

## Kempen Perolehan Kad Kredit 2020 Di Lapangan NTC

### **TEMPOH KEMPEN**

“Kempen Perolehan Kad Kredit 2020 Di Lapangan NTC” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Julai 2020** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Ogos 2020** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

### **TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut:

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Utama HLB Baharu kepada Kad (“NTC”) (“Pemegang Kad Utama NTC”), yang semasa Tempoh Kempen, telah memohon sekurang-kurangnya dua (2) Kad Layak seperti mana tersebut dalam Jadual 1 tertera di bawah melalui Cawangan HLB dan/atau Jualan Langsung HLB dalam satu (1) permohonan tunggal kepada HLB dan Kad Layak itu berjaya diluluskan selewat-lewatnya **30 September 2020**.

Jadual 1: Kad Layak bagi Kempen

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P	Emirates World Elite
Infinite	Emirates World
Infinite Doctor's Edition	Emirate Platinum
AirAsia Gold/Platinum	The Store Gold/Platinum
GSC Gold/Platinum	Pacific Gold/Platinum
Sutera Platinum	Sutera Platinum
WISE Gold	Platinum Business
Essential Gold	I'm

2. Bagi mengelakkan keraguan, semua Kad Layak mestilah diluluskan dan diaktifkan melalui Connect atau Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad untuk melayakkan Pemegang Kad Utama NTC menyertai Kempen ini (“Pemegang Kad Layak”).
3. Pemegang Kad Utama NTC adalah pemegang kad baharu yang tidak memegang mana-mana Kad Kredit Utama HLB sedia ada (termasuk Mach) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada Terma & Syarat seperti tertera dalam Fasal 4 di bawah ini.
4. Golongan berikut ini tidak dianggap **Pemegang Kad Utama NTC** dan **TIDAK** layak menyertai Kempen:
  - (i) Pemegang Kad Utama sedia ada mana-mana Kad Kredit HLB;
  - (ii) Pemegang kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB yang sah dan/atau Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit mereka tertunggak;

- (iii) Pemegang kad yang membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kredit HLB baharu (termasuk Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan; dan
- (iv) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau telah diisyiharkan bankrap (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

#### **KAEDAH KEMPEN**

5. Bergantung kepada segala syarat telah dipenuhi, Pemegang Kad Layak berhak menikmati tawaran berikut:

**(a) Pengecualian Fi Tahunan**

- (i) Pemegang Kad Layak, yang telah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) perbelanjaan runcit bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, adalah berhak mendapat pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama ("**Pengecualian Fi Tahunan**").
- (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak mendapat Pengecualian Yuran Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria di atas (Fasal 5(a)(i)).

**(b) Pulangan Tunai bagi Pemegang Kad Layak NTC sehingga RM150 ("Pulangan Tunai 1")**

- (i) Pemegang Kad Layak NTC berhak menikmati Pulangan Tunai 1 sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh ("RM150") ("**Pulangan Tunai RM150**") dan kriteria yang perlu dipenuhi tertera dalam Jadual 2 di bawah ini:

Jadual 2: Pulangan Tunai 1 (bagi Pemegang Kad Layak NTC)

Peruntukanan Pulangan Tunai	Kriteria
RM600,000 bagi setiap Tempoh Kempen <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada dua ribu (2,000) Pemegang Kad Layak NTC bagi setiap bulan dalam Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat.</li> <li>• Jumlah terhad kepada empat ribu (4,000) Pemegang Kad</li> </ul>	Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 6 di bawah) bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak, akan berhak menikmati Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) (" <b>Pemegang Kad Layak NTC</b> ") sehingga Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi setiap Pemegang Kad Layak NTC setiap Tempoh Kempen.

Layak NTC bagi dalam Tempoh Kempen	Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul (seperti ditakrif menurut Fasal 6 di bawah) minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dengan Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pengaktifan kad akan berhak menikmati Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) ( <b>"Pemegang Kad Layak NTC"</b> ) bagi setiap Pemegang Kad Layak NTC bagi setiap Tempoh Kempen.
------------------------------------	--

Pemegang Kad Layak yang telah memenuhi kriteria di atas akan disebut sebagai Pemegang Kad Layak NTC Pulangan Tunai 1.

- (ii) Perbelanjaan runcit yang dilakukan oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Pemegang Kad Layak Utama yang sama akan diambil kira dalam perbelanjaan runcit terkumpul minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk menikmati Pulangan Tunai 1 sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150).
- (iii) Pulangan Tunai 1 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) bagi setiap Pemegang Kad Layak NTC bagi setiap Tempoh Kempen.
- (iv) Peruntukan Pulangan Tunai 1 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau dua ribu (2,000) Kad Layak diluluskan setiap bulan dalam Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 1 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu (RM600,000) atau empat ribu (4,000) Kad Layak diluluskan dalam Tempoh Kempen.
- (v) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat seperti tertera di atas ini, Pulangan Tunai 1 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak NTC dalam masa empat (4) bulan dari berakhirnya Tempoh Kempen. Pemegang Kad Layak NTC akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiaran senarai Pemegang Kad Layak NTC (nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad Layak terlindung dan/atau amaun Pulangan Tunai) dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my/ogcc](http://www.hlb.com.my/ogcc) selewat-lewatnya 31 Disember 2020 (**"Pemberitahuan"**).
- (vi) Sekiranya Pulangan Tunai 1 tidak diterima, Pemegang Kad Layak NTC hendaklah memberitahu HLB dalam masa lima (5) bulan dari berakhirnya Tempoh Kempen, jika gagal berbuat demikian, Pemegang Kad Layak NTC dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1.
- (vii) HLB tidak berkewajipan memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak NTC bagi Kempen sekiranya Pulangan Tunai 1 itu telah mencapai peruntukan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau dua ribu (2,000) Kad Layak diluluskan setiap bulan dalam Tempoh Kempen atau telah mencapai jumlah peruntukan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu (RM600,000) atau empat ribu (4,000) Kad Layak diluluskan dalam Tempoh semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

**(c) Pulangan Tunai RM100 Tambahan untuk Pemegang Kad Layak NTC (“Pulangan Tunai 2”)**

- (i) Pemegang Kad Layak NTC akan berhak menerima Pulangan Tunai 2 sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) Tambahan dan kriteria yang perlu dipenuhi seperti tertera dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Pulangan Tunai 2 bagi Pemegang Kad Layak NTC

Peruntukan Pulangan Tunai	Kriteria
<p>RM40,000 bagi setiap Tempoh Kempen</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terhad kepada dua ratus (200) Pemegang Kad Layak NTC bagi setiap bulan dalam Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat.</li> <li>• Jumlah terhad kepada empat ratus (400) Pemegang Kad Layak NTC bagi dalam Tempoh Kempen.</li> </ul>	Pemegang Kad Layak yang telah memohon sekurang-kurangnya satu (1) Kad Platinum Business dan memenuhi kriteria kempen (5b) di atas, akan berhak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) tambahan (“ <b>Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2</b> ”) bagi setiap Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 bagi setiap Tempoh Kempen.

- (ii) Pulangan Tunai 2 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) bagi setiap Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 bagi setiap Tempoh Kempen.
- (iii) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 2 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) atau dua ratus (200) Kad Layak diluluskan setiap bulan dalam Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat dia dapat. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai 2 dihadkan setakat Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) atau empat ratus (400) Kad Layak diluluskan dalam Tempoh Kempen.
- (iv) Sekiranya Pemegang Kad Layak NTC telah memenuhi syarat seperti dinyatakan di atas, maka Pulangan Tunai 2 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 dalam masa empat (4) bulan dari berakhirnya Tempoh Kempen. Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiaran senarai Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 (nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad Layak terlindung dan/atau amaun Pulangan Tunai) dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my/ogcc](http://www.hlb.com.my/ogcc) selewat-lewatnya 31 Disember 2020 (“**Pemberitahuan**”).
- (v) Sekiranya Pulangan Tunai 2 tidak diterima, Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 hendaklah memberitahu HLB dalam masa lima (5) bulan dari berakhirnya Tempoh Kempen, jika tidak Pemenang Kad Layak Pulangan Tunai 2 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 2.
- (vi) HLB tidak berkewajipan untuk memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak Pulangan Tunai 2 bagi Kempen sekiranya Pulangan Tunai 2 telah mencapai peruntukan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000)

atau dua ratus (200) Kad Layak diluluskan setiap bulan dalam Tempoh Kempen atau telah mencapai peruntukan jumlah maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) atau empat ratus (400) Kad Layak diluluskan dalam Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

Pulangan Tunai 1 dan Pulangan Tunai 2 secara kolektif disebut "**Pulangan Tunai**".

**(d) Kadar Promo Deposit Tetap (FD) – 5.00% setahun selama 3 bulan**

- (i) Pemegang Kad Layak adalah berhak menikmati kadar 5.00% setahun untuk peletakan Deposit Tetap ("FD") bertempoh tiga (3) bulan disandarkan bagi permohonan Kad Layak ("Kadar Promo FD") dan kriteria yang perlu dipenuhi tertera dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Kadar Promo Deposit Tetap @ 5% setahun selama 3 bulan

Dana FD	Kriteria
RM200,000,000 bagi setiap Tempoh Kempen	<p>Pemegang Kad Layak telah berjaya sandarkan FD bagi Kad Layak diluluskan akan berhak menikmati Kadar Promo FD 5.00% setahun selama 3 bulan ("Kadar Promo Pemegang Kad Layak").</p> <p>Sandaran FD sehingga Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) bagi setiap Pemegang Kad Layak bagi setiap Tempoh Kempen.</p>

- (ii) Kadar Promo FD terhad hanya kepada Pemegang Kad Layak yang Kad Layak mereka telah dimohon dan diluluskan semasa Tempoh Kempen.
- (iii) Peletakan FD perlu dibuat semasa memohon Kad Layak.
- (iv) Kadar Promo FD akan berkuat kuasa dari tarikh sandaran FD itu selesai dibuat dan diluluskan.
- (v) Setiap Pemegang Kad Layak NTC berhak menikmati Kadar Promo FD satu (1) kali dengan minimum amaun sandaran FD sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga maksimum amaun sandaran FD sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000).
- (vi) Jumlah peruntukan dana FD dihadkan setakat Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta (RM200,000,000) atas dasar siapa cepat dia dapat.
- (vii) Sekiranya permohonan Kad Layak itu tidak berjaya, dibatalkan atau ditolak maka sandaran FD tidak akan berlaku dan FD dengan Kadar Promo FD itu akan dibatalkan dan berbalik kepada kadar rasmi tersiar HLB sedia ada dan akan bermula dari tarikh ketika FD dengan Kadar Promo FD itu dibatalkan.
- (viii) HLB tidaklah berkewajipan untuk memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak jika dana FD telah mencapai peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta (RM200,000,000) semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

6. Perbelanjaan Runcit bermaksud sebarang pembelian runcit dan pembelian dalam talian (termasuk arahan tetap, Pelan Bayaran Mudah 0% Faedah ("EPP") yang dilakukan dalam

negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan dibuat dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan/atau mata wang lain) yang berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.

7. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
  - (i) pengeluaran tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
  - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Call-For-Cash Plus (“**CFC Plus**”), Call-For-Cash (“**CFC**”) dan Pelan Pembayaran Fleksi (“**FPP**”);
  - (iii) JomPAY dan urus niaga berkaitan kerajaan
  - (iv) transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  - (v) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

#### **TERM & SYARAT AM**

8. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Utama NTC:
  - (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak dalam Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my);
  - (ii) bersetuju semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
  - (iv) bersetuju bahawa Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai dan Kadar Promo FD tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
  - (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pertukaran kepada Terma & Syarat dan membuat susulan dengan HLB jika mereka tersenarai untuk layak menerima Pulangan Tunai;
  - (vi) keizinan untuk HLB mendedahkan atau menyiar nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung), amaun Pulangan Tunai dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB; dan
  - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) jika HLB fikir wajar untuk tujuan Kempen ini.
9. HLB berhak:
  - (i) menolak mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa memberikan apa-apa sebab penolakan itu;
  - (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Utama NTC daripada menyertai Kempen ini;
  - (iii) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Utama NTC untuk menyertai Kempen atas apa juu sebab yang HLB fikir wajar. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak untuk

menolak kelayakan Pemegang Kad Utama NTC yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit tidak mengikut pengertian Terma & Syarat ini, dari segi gaya atau pola yang HLB anggap luar biasa, luar aturan dan/atau menandakan suatu percubaan untuk meraih kelebihan tak adil ke atas Pemegang Kad Utama NTC lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad meliputi seluruh Pemegang Kad Utama NTC;

- (iv) semua Kad Layak yang diluluskan mestilah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit pada masa pemberian Pulangan Tunai. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak yang mempunyai kiraan transaksi yang paling aktif sebagai akaun pemenuhan utama jika Pemegang Kad Layak mempunyai lebih daripada 1 (satu) Kad Layak;
- (v) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai dan/atau Kadar Promo FD dalam hal apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatkan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai dan Kadar Promo FD atau tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
- (vi) meminda Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai dan/atau Kadar Promo FD dan/atau menggantikan Pengecualian Fi Tahunan, Pulangan Tunai dan/atau Kadar Promo FD dengan hadiah gantian yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB fikir sesuai dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad Utama NTC;
- (vii) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB fikir sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Utama NTC tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat atau penamatkan Kempen ini;
- (viii) HLB tidaklah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad Utama NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini;
- (ix) Selain terma-terma yang ditetapkan di atas ini, Pemegang Kad Utama NTC bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
- (x) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan;
- (xi) Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia; dan

- (xii) Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.